

06/07/2001

Faktor Boonchai buat Gajah Emas terkilan

Halmi Samad; Hussain Said; Shukri Matt Ali
SEKALIPUN keputusan sudah termeterai, namun perasaan terkilan kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM) tetap terpahat di hati pengeluar jenama tempatan, Gajah Emas kerana gagal menyelami permainan `politik' Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) berhubung isu pemilihan bola rasmi sepak takraw pada Sukan Sea, September ini.

Ketidakprihatinan MOM untuk meneliti barisan Ahli Majlis Istaf yang terselit nama Boonchai Lorhpipat dari Thailand, terus menjadi persoalan di lubuk hati pengeluar Gajah Emas, Gajatakraw Industries Sdn Bhd.

Kedudukan Boonchai selaku bendahari Istaf dan pada masa yang sama, menjadi pemilik Marathon Thailand Co Ltd, pengeluar bola jenama Marathon - bola rasmi Sukan Sea, cukup meresahkan Gajatakraw Industries Sdn Bhd.

Pengarah Gajatakraw Industries Sdn Bhd, Kevin Lim, berkata dia begitu terkilan kerana Istaf gagal memisahkan status Boonchai sebagai bendahari dan pemilik bola jenama Marathon.

"Boonchai juga ejen Nagase Rubber Court di Singapura yang bertindak ejen rantau Asia Tenggara. Apa kaitan Nagase Rubber Court dengan Sukan Sea? tanya Lim semalam.

"Jawapannya ialah Nagase Rubber Court membekalkan kelengkapan gelanggang untuk Sukan Sea dengan jenama Nagase-Kenko yang bersaiz 1.6 X 15.4 meter.

"Jadi, kelihatan di sini, Boonchai banyak mendapat faedah berdasarkan kedudukannya sebagai bendahari Istaf. Kenapa MOM tidak prihatin di dalam hal ini. Saya bukan mahu mengkritik MOM.

"Tapi, sekurang-kurangnya MOM prihatin dan memantau kedudukan Boonchai apabila mereka (Thailand) mengemukakan surat permohonan sama ada untuk tender atau penajaan bola serta alat kelengkapan Sukan Sea," katanya.

Kelmarin, pengeluar Gajah Emas mempertikai kewibawaan MOM kerana memilih produk Thailand sebagai bola rasmi temasya dwitahunan itu.

Mereka menyifatkan tindakan MOM itu bertentangan aspirasi `Malaysia Boleh' dan menentang arus pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Isu berkenaan hangat apabila Istaf memaklumkan MOM bahawa jenama Thailand, Marathon digunakan sebagai bola rasmi sepak takraw di Sukan Sea, nanti.

Istaf dalam laporannya memberi alasan kononnya jenama Marathon sudah mendapat pengiktirafan antarabangsa, sedangkan Gajah Emas masih dalam kajian untuk disahkan produk terbaik.

Setiausaha MOM, Datuk Sieh Kok Chi pula dilaporkan sebagai berkata pihaknya terpaksa akur kepada arahan badan induk antarabangsa itu kerana ia berkuasa dari segi aspek teknikal.

Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) dilaporkan lebih berminat menggunakan Gajah Emas.

Lim berkata, setakat ini, pihaknya mengetahui bahawa ada empat barangan Marathon yang diluluskan oleh Istaf dan Persatuan Sepak Takraw Asia (Astaf) untuk kegunaan kejohanan sepaktakraw.

Ketika ini, salah seorang Ahli Majlis Istaf, Kurt Sonderegger yang juga Penolong Setiausaha Agung, adalah ejen Marathon di Amerika Syarikat dengan menggunakan jenama baru iaitu `BUKA'.

(END)